

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktoper 2003

**HBT 213 – Sintaksis dan Semantik untuk Penterjemahan**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Pastikan kertas soalan ini mengandungi **ENAM** soalan.
2. Gunakan buku jawapanyang berasingan untuk **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

Jawab **DUA** soalan daripada **Bahagian A** dan **DUA** soalan daripada **Bahagian B**. **Bahagian A** dan **Bahagian B** mesti dijawab pada buku skrip jawapan yang *berasingan*.

### Bahagian A

Jawab mana-mana **DUA** soalan.

1. Jawab soalan [a] **DAN** [b] berdasarkan [i] – [x] di bawah.

- [i] Pinggan mangkuk di dalam bakul itu belum berbasuh lagi.
- [ii] Terdapat seekor monyet di atas pokok rambutan itu.
- [iii] Kelihatan budak kecil itu telah sesat jalan.
- [iv] Perempuan yang berbaju merah itu anak Pak Man.
- [v] Akan hujan petang ini.
- [vi] Buah yang berwarna merah itu tidak boleh dimakan.
- [vii] Dia mengatakan bahawa adiknya akan pulang sebentar nanti.
- [viii] Beberapa kepingan kuih telah dimakan oleh Abu.
- [ix] Dia bukan tamak duit.
- [x] Dia suka bermain gasing tetapi adiknya pula gemarkan anak patung.

[a] Terjemahkan ayat-ayat ini ke bahasa Inggeris  
[10 markah]

[b] Nyatakan perbezaan atau persamaan antara struktur ayat bahasa Inggeris dan struktur ayat bahasa Malaysia untuk ayat-ayat [i]-[v].  
[15 markah]

2. Jawab soalan [a] **DAN** [b] berdasarkan [i] – [x].

- [i] The cat **cleans** itself.
- [ii] She is a **clean** person.
- [iii] Buying drinks for all my friends have **cleaned** me out.
- [iv] The burglars **cleaned** her of all her jewellery and money.
- [v] He **cleaned** up a small fortune.

[vi] The mayor is determined to **clean** up the whole city.

[vii] He had learnt to catch a ball **cleanly**.

[viii] She managed to **clean** out the stables by herself.

[ix] This type of flooring **cleans** easily.

[x] Blunt scissors don't cut **cleanly**.

[a] Terjemahkan ayat-ayat di atas ke bahasa Malaysia.

[10 markah]

[b] Dengan menggunakan gambarajah pohon, tunjukkan perbezaan atau persamaan sintaksis di dalam ayat [i]-[x] dalam menangani makna **clean** di dalam ayat-ayat tersebut.

[15 markah]

3. Jawab soalan [a], [b], [c] DAN [d].

[a] Nyatakan definisi konsep ketaksaan.

[1 markah]

[b] Kenal pastikan ketaksaan yang ada di dalam ayat-ayat di bawah.

[ i] They passed the port on New Year's Day.

[ii] This food is too hot to eat.

[iii] This duck is ready to eat.

[iv] Look at those pretty little girls' dresses.

[8 markah]

[c] Terjemahkan ke dalam bahasa Malaysia ayat-ayat ini di dalam dua makna yang taksa itu.

[8 markah]

[d] Jelaskan perbezaan kelas kata yang wujud, jika ada, di antara ayat-ayat teks sumber dengan ayat-ayat teks terjemahan.

[8 markah]

**Bahagian B**

Jawab mana-mana DUA soalan sahaja.

4. Jawab [a] DAN [b].

[a] Terjemahkan ayat-ayat berikut ke dalam bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris mengikut kesesuaian.

[i] A: What time is it now?  
B: You look nice already.

[ii] Five ringgit says he doesn't make the semi-final.

[iii] (Di kedai makan)  
A: Cik?  
B: Yang biasa.

[iv] (Travel agent to customer)  
Why don't you think about Italy for this summer?

[v] (Seseorang sambil mendengar cerita rakannya)  
Get real!

[15 markah]

[b] Dengan merujuk kepada ayat-ayat [i] – [v], bincangkan “lakuan bahasa” dan “pragmatik.”

[10 markah]

5. Jawab [a] DAN [b].

[a] Dengan contoh-contoh yang sesuai,uraikan jenis-jenis makna yang dibincangkan oleh Leech (1981).

[7 markah]

[b] Di dalam DATA 1 di bawah, disenaraikan unit-unit leksikal yang bergaris dalam teks di atas. Bincangkan satu per satu kesesuaian padanan-padanan tersebut dengan mengambil kira konteks teks dari sudut penterjemahan.

DATA 1

*He and Lessandra eventually found themselves so hard up that they had to come and live in Allesandra Strozzi's house. After her husband's debt spiraled beyond control, Lessandra put a brave face on things. When she couldn't afford to replace a ragged underskirt, she covered it with a loose, flowing gown, in hopes that nobody notice the tatters underneath.*

Sumber: **Times, 1999. What Life Was Like At the Rebirth of Genius: Renaissance Italy AD 1400-1550**, ms: 39.

- |       |         |                 |
|-------|---------|-----------------|
| [i]   | found   | telah menjumpai |
| [ii]  | hard    | kasar           |
| [iii] | house   | kediaman        |
| [iv]  | control | kuasa           |
| [v]   | flowing | mengalir        |

[10 markah]

6. Jawab [a], [b] DAN [c].

[a] Huraikan konsep-konsep di bawah dan sertakan contoh-contoh yang sesuai:

- |       |                |
|-------|----------------|
| [i]   | praandaian     |
| [ii]  | medan semantik |
| [iii] | entelmen       |
| [iv]  | metafora       |
| [v]   | prototaip      |

[15 markah]

[b] Untuk setiap ayat di bawah, tulis dua ayat (dalam bahasa yang digunakan) yang menyampaikan dua makna yang berlainan:

- |       |  |
|-------|--|
| [i]   | He has got his masters.                  |
| [ii]  | He turned over the evidence.             |
| [iii] | Kucing menangkap burung di rumah Safuan. |

[6 markah]

[c] Dengan merujuk kepada ayat-ayat [i] – [iii], bincangkan konsep “rujukan” dan “makna.”

[4 markah]